

# UMP meterai MoU dengan Mercedes-Benz

UM (Maser) Ismin 11/3 mjd

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) dan Mercedes-Benz Malaysia baru-baru ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi melahirkan graduan jurutera automotif UMP bertaraf antarabangsa.

Naib Canselor UMP, **Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim** berkata, MoU itu membolehkan pelajar universiti itu menjalani latihan industri di syarikat berkenaan di samping ia menjadi penasihat kepada UMP dalam urusan akademik, penyelidikan dan pembangunan modal insan para pelajar.

"MoU ini merupakan salah satu aktiviti pengantarabangsaan yang terkandung dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015. Dengan kerjasama ini, UMP bakal melahirkan graduan berprestasi tinggi memenuhi kehendak pasaran dalam bidang automotif," katanya pada sidang akhbar majlis menandatangani MoU berkenaan baru-baru ini.

Daing Nasir dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz menandatangani bagi pihak UMP, manakala Mercedes-Benz Malaysia diwakili Naib Presiden merangkap Pengarah Urusan Pekan Plant, **Sebastian Streuff** dan Pengurus Kanan Sumber Manusia, Matthias Adis.

Sementara itu, Streuff berkata, MoU itu memberi peluang kepada pelajar UMP menimba ilmu kemahiran automotif dan memberi manfaat jangka masa panjang kepada kedua belah pihak yang secara tidak langsung dapat mempertingkatkan lagi mutu prestasi syarikat itu.

"Dengan ini pelajar UMP dapat menjalani latihan dan kami berhasrat menjalin hubungan jangka panjang dengan universiti menerusi penempatan pelajar kelak," katanya.